

PM pertahan tindakan polis

BH 24 AUG 2001

Oleh Nadzim
Ahmad Jamalludin

Datuk Seri Dr Mahathir
Mohamad juga mengingatkan
Suhakam supaya memahami
kehidupan rakyat Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempertahankan tindakan polis menyuarakan perhimpunan haram di Lebuhraya Kesas, Shah Alam, November tahun lalu, yang dirumuskan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) sebagai mencabuli hak asasi.

Perdana Menteri berkata, polis terpaksa menyuarakan perhimpunan haram itu, kerana mereka yang mengadakan perhimpunan bukan saja mengganggu perjalanan, malah membahayakan keselamatan orang ramai.

Beliau berkata, Suhakam perlu memahami kehidupan masyarakat di Malaysia dan perlu memberi keutamaan kepada kebebasan orang ramai.

“Mereka ini (penunjuk perasaan) berdemonstrasi, mengganggu perjalanan dan membahayakan nyawa orang lain.

“Tugas polis ialah memastikan kehidupan harian dapat diteruskan seperti biasa.

“Jika anda menyebabkan masalah kepada orang lain, tugas polis adalah memastikan perkara itu diatasi mengikut peruntukan undang-undang dan ini penting kepada kita,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Yayasan Pendidikan Cheras (YPC) di Stadium Badminton Cheras dekat sini, petang ini.

Beliau diminta mengulas pendirian Pesuruhjaya Suhakam, Tan Sri Anuar Zainal Abidin, yang mempertahankan laporan suruhanjaya itu, kelmarin.

Suhakam dalam laporannya merumuskan polis bertanggungjawab terhadap beberapa pencabulan hak asasi ketika bertindak menangani insiden perhim-

punan haram itu.

Suruhanjaya itu dalam laporan setebal 66 muka surat yang diumumkan Anuar menyatakan pencabulan berlaku akibat tindakan polis ketika menyuarakan perhimpunan itu, menangkap mereka yang berada di tempat kejadian dan ketika rawatan dalam tahanan.

Perdana Menteri turut mengulangi pendiriannya bahawa laporan Suhakam itu banyak dipengaruhi pemikiran Barat dan bukan lagi untuk kepentingan negara.

Dr Mahathir berkata, kerajaan bersikap terbuka dan liberal apabila membuat keputusan menubuhkan Suhakam untuk kepentingan orang ramai.

“Bagaimanapun, Suhakam lebih terpengaruh dengan nilai-nilai Barat

sedangkan kerajaan dan polis negara ini menjaga kepentingan rakyat dengan mengambil kira hak asasi mereka.

“Kini polis terpaksa berhadapan dengan Suhakam dan bimbang dengan laporan yang akan dikeluarkan (suruhanjaya itu) setiap kali mereka mengambil tindakan.

“Selain itu, polis juga perlu berhadapan dengan media asing seperti CNN (Cable News Network) yang sentiasa mengekori polis dengan mengambil gambar dan kemudian memberitahu dunia kononnya polis Malaysia bersikap ganas.

“Ini akan menjejaskan tugas polis untuk menegak-

kan undang-undang.

“Bayangkan apa yang akan berlaku jika polis tidak mengambil sebarang tindakan.

“Kita perlukan polis untuk melindungi kita dan mengekalkan keamanan serta undang-undang. Sehingga kini, polis belum lagi melampaui mandat mereka dalam mengekal-

kan keamanan dan undang-undang,” katanya.

Mengulas kenyataan Ketua Umno Bahagian Johor Bahru, Datuk Shahril Samad yang mahukan Suhakam dibubarkan, Dr Mahathir berkata:

“Shahril boleh cakap apa saja. Pendapat dia tidak akan membawa kesan apa-apa kepada saya,” katanya.